



# **Cambridge IGCSE™**

---

**MALAY**

**0546/13**

Paper 1 Listening

**May/June 2023**

TRANSCRIPT

**Approximately 50 minutes (including 6 minutes' transfer time)**

---

---

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

- E Cambridge Assessment International Education, June 2023 examination in Malay. Paper 1, Listening, for Cambridge IGCSE.

**M1 Soalan-soalan 1 hingga 8**

**M1** Anda akan mendengar beberapa rakaman ringkas.

**M1** Anda akan mendengar setiap rakaman sebanyak dua kali.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak jawapan yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

(*Pause 3 seconds.*)

**M1** Mimi dan Kayden berada di sebuah medan makan.

**M1 Soalan 1**

**M1** Di pintu masuk medan makan, Mimi berkata:

**F1** \* Mari kita makan makanan laut.

**M1** Mimi mahu makan apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 2**

**M1** Sebelum duduk, Mimi berkata:

**F1** \* Kita mesti panggil pelayan untuk ambil pesanan.

**M1** Siapakah mereka mesti panggil? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 3**

**M1** Mimi dahaga. Mimi berkata:

**F1** \* Saya mahu minum susu.

**M1** Mimi mahu minum apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 4**

**M1** Mimi mahu sepotong nanas. Pelayan berkata:

**F1** \* Harga sepotong nanas ialah RM2.00.

**M1** Berapa harga sepotong nanas? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 5**

**M1** Makanan Mimi pedas. Dia berkata:

**F1** \* Ada terlalu banyak cili.

**M1** Makanan Mimi ada terlalu banyak... \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 6**

**M1** Mimi dengar pengumuman ini:

**F1** \* Dompet dijumpai di atas lantai.

**M1** Apa dijumpai di atas lantai? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 7**

**M1** Sebelum pulang, Mimi berkata:

**F1** \*Saya mesti beli roti untuk adik saya.

**M1** Apakah Mimi mesti beli? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 8**

**M1** Apabila sudah makan, Mimi berkata:

**F1** \*Saya mahu pulang dengan kereta api.

**M1** Mimi mahu pulang dengan apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 9 hingga 14**

**M1** Anda akan mendengar satu pengumuman di pameran seni lukis. Anda akan mendengar pengumuman ini sebanyak dua kali.

**M1** Pengumuman akan dihentikan seketika.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(Pause 30 seconds.)

**F1** \* Tuan-tuan dan puan-puan. Selamat datang ke Dewan Warisan. Bermula hari ini selama sebulan, anda boleh melihat pameran seni lukis oleh pelukis-pelukis tempatan.

**F1** Sila ke Bilik 1 untuk melihat lukisan-lukisan ini.

**F1** Anda tidak dibenarkan membawa makanan atau minuman ke dalam bilik ini. Kalau anda lapar atau dahaga, anda boleh pergi ke tingkat satu, di mana terdapat kantin yang menyediakan makanan ringan.

(Pause 5 seconds.)

**F1** Pada pukul sebelas pagi, anda akan berpeluang bertemu dan berbual dengan pelukis-pelukis ini. Anda juga boleh menonton video temubual dengan pelukis, Armin Cheah.

**F1** Pada hujung minggu pula anda boleh mengikuti kelas lukisan yang akan dikendalikan oleh pelukis-pelukis ini. Anda perlu daftar dan bayar untuk mengikuti bengkel ini.

**F1** Sesetengah lukisan yang dipamerkan akan dijual. Anda boleh mendapat maklumat tentang harga dan butir mengenai sesuatu lukisan itu dalam buku panduan yang anda boleh dapat secara percuma di pintu masuk. Hasil jualan lukisan akan disumbangkan kepada sebuah badan amal. \*\*

(Pause 10 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar pengumuman ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 15 hingga 19**

- M1** Anda akan mendengar dialog antara Pia dengan Aizat tentang tempat perkelahan.
- M1** Anda akan mendengar dialog ini sebanyak dua kali.
- M1** Padankan nama tempat dengan kenyataan yang betul **A**, **B**, **C**, **D**, **E** atau **F**. Bagi setiap tempat, tulis huruf yang betul A hingga F di atas garis jawapan.
- M1** Anda mempunyai beberapa saat untuk membaca maklumat.

(Pause 30 seconds.)

- M1** \*Hi Pia. Saya ingin tahu pendapat kamu. Saya sekeluarga mahu berkelah minggu depan. Ada tempat yang kamu boleh cadangkan?
- F1** Oh minggu lepas, saya dan beberapa orang kawan berkelah di Pantai Cening. Terlalu ramai orang semasa kami di sana. Susah untuk cari tempat yang sesuai. Tapi memang pantainya bersih dan cantik.
- M1** Oh, kami inginkan tempat yang tenang dan tidak terlalu sibuk. Ibu saya mahu berehat.
- F1** Bagaimana dengan air terjun Taman Awani? Biasanya tidak ramai orang. Airnya sangat jernih dan laju. Tapi tidak boleh berenang. Ada beberapa buah pondok berdekatan. Kamu boleh makan di situ.
- M1** Bagus juga. Tapi kami mahu tempat di mana kami boleh berenang.
- F1** Oh, kalau begitu, di Sungai Cangkat ada beberapa tempat yang selamat untuk berenang. Sejuk dan nyaman. Tempat perkelahan agak dekat.
- M1** Menarik juga!
- F1** Bagaimana dengan Tasik Kenanga? Ada beberapa bot yang kamu boleh sewa. Juga ada beberapa pondok untuk perkelahan. Boleh berehat di situ sepanjang hari.
- M1** Kamu pernah dengar tentang Tanjung Aru?
- F1** Oh ya. Saya pernah pergi dengan keluarga saya tahun lepas. Kita boleh tempah tempat perkelahan jauh dari orang ramai. Tempatnya juga selamat sebab sentiasa ada pengawal. Kita boleh tinggalkan barang-barang dengan selamat kalau mahu memancing. \*\*

(Pause 10 seconds.)

- M1** Sekarang anda akan mendengar dialog ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 20 hingga 28**

**M1** Anda akan mendengar satu temubual dengan Davina, seorang penggubah lagu. Temubual ini terdapat dalam dua bahagian.

**M1** Rakaman dihentikan sekejap selepas bahagian pertama sebelum bahagian kedua dimulakan.

**M1 Bahagian 1: Soalan-soalan 20 hingga 24**

**M1** Anda akan mendengar bahagian pertama temubual ini sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 20 hingga 24**.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \* Helo Davina. Bilakah minat menggubah lagu bermula?

**F1** Helo. Menurut ibu, dari kecil saya memang suka mereka-reka lagu saya sendiri sambil menari dengan kakak saya. Saya suka bersendirian di dalam bilik dan cuba mengarang pantun.

**M1** Kepada siapakah Davina mula tujukan karya Davina?

**F1** Semasa saya kecil, saya fikir lagu-lagu untuk orang dewasa biasanya mengenai percintaan. Saya tidak ada pengalaman bercinta pada masa itu, jadi saya menulis untuk orang di sekeliling saya seperti anak-anak saudara yang kecil.

**M1** Bagaimanakah perasaan ibu bapa Davina?

**F1** Setiap kali saya mengendalikan hiburan untuk majlis anak-anak saudara, tetamu-tetamu kecil akan ikut serta menyanyi lagu-lagu saya dengan bersemangat sekali. Ibu bapa saya bangga dan selalu memperkenalkan saya kepada kawan-kawan mereka.

**M1** Dari mana Davina belajar untuk mengarang lirik?

**F1** Saya dibesarkan dalam keluarga yang gemar bahasa. Ibu dan bapa saya mengajar sastera di sekolah. Dengan apa yang saya dapat daripada mereka, saya ikuti bengkel penulisan sajak dalam talian. Di sinilah bakat saya mula berkembang.

**M1** Bilakah masa yang sesuai untuk Davina menggubah lagu?

**F1** Saya bekerja di pejabat yang sibuk setiap hari. Ada masanya saya mesti bekerja di luar berjumpa pelanggan. Jadi, biasanya saya luangkan masa menulis lagu pada hujung minggu dalam bilik saya tanpa gangguan. \*\*

(Pause 15 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian pertama temubual ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)

**M1 Bahagian 2: Soalan-soalan 25 hingga 28**

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temubual dengan Davina sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 25 hingga 28**.

(*Pause 30 seconds.*)

**M1** \*\*\* Bagaimana perasaan Davina apabila mendengar penyanyi-pen�anyi terkenal menyampaikan karya Davina?

**F1** Saya tidak sangka lagu-lagu saya akan mendapat perhatian sebab ada ramai penggubah yang berbakat dan hebat. Semestinya saya rasa seperti bakat saya dihargai.

**M1** Siapakah yang Davina rasa sesuai untuk sampaikan lagu Davina?

**F1** Bila saya menulis lagu, saya bayangkan Dewi Ana. Dia mempunyai gaya tersendiri dan membawa maksud yang saya ingin sampaikan ke tahap yang lebih tinggi. Ada penyanyi yang tidak faham lirik atau keterlaluan.

**M1** Biasanya orang kenal penyanyi dan bukan penggubah lagu.

**F1** Itu tidak benar. Sekarang lebih ramai penyanyi yang memberi pengiktirafan kepada penggubah lagu apabila mereka memenangi pertandingan atau bila jualan album meningkat. Yang membimbangkan adalah apabila karya kami ditiru.

**M1** Rancangan masa depan Davina?

**F1** Mungkin saya akan cuba menghasilkan lagu tema untuk filem. Ada penerbit filem yang menghubungi saya untuk filem mereka. Saya perlu melihat skripnya terlebih dahulu. \*\*\*\*

(*Pause 15 seconds.*)

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temubual ini untuk kali kedua.

(*Repeat from \*\*\* to \*\*\*\* then pause 15 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 29 hingga 34**

**M1** Anda akan mendengar perbualan antara Fahmi dan May tentang program meningkatkan semangat sukarelawan di kalangan remaja. Anda akan mendengar perbualan ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada tempat berhenti semasa perbualan.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(*Pause 1 minute.*)

**F1** \* Hai Fahmi. Kamu sudah selesai kertas kerja tentang bengkel kerja sukarelawan di sekolah-sekolah di sini?

**M1** Ya, saya sudah hantar e-mel kepada sekolah-sekolah di bandar kita dengan harapan program ini boleh berjalan semasa cuti sekolah. Saya tahu ramai pelajar ada kelas tambahan untuk bersiap sedia untuk peperiksaan. Ibu bapa dan para guru mungkin sudah membuat rancangan untuk bercuti tetapi ada ramai yang sudah menunjukkan minat untuk menyertai bengkel ini daripada membuang masa di rumah sahaja.

**F1** Apakah antara program yang dirancangkan?

**M1** Pasukan saya telah menjemput beberapa orang berpengalaman dalam bidang sukarelawan. Mereka ini masih muda dan boleh mempengaruhi remaja dengan pengalaman mereka di dalam dan di luar negara. Ada banyak pertubuhan yang memerlukan sukarelawan dan peserta berpeluang untuk menyertai pertubuhan-pertubuhan ini selepas mereka habis belajar.

**F1** Menarik!

**M1** Selepas bengkel kerja ini, kita akan mengenalpasti kumpulan-kumpulan pelajar yang akan membuat kerja sukarelawan mungkin beberapa hari seminggu sepanjang cuti mereka. Setiap kumpulan akan dipimpin oleh sukarelawan yang berpengalaman. Antara tugas mereka ialah membersihkan tasik yang tercemar, membantu mengedar makanan kepada gelandangan dan mengutip buku dan majalah untuk projek Almari Buku.

(*Pause 15 seconds.*)

**F1** Apakah pendapat guru-guru dan ibu bapa tentang program ini?

**M1** Ramai ibu bapa memberitahu mereka menggalakkan anak-anak mereka untuk berbakti kepada masyarakat. Tetapi mereka tidak tahu bagaimana untuk mendorong anak-anak mereka. Guru-guru pula rasa pelajar akan mendapat inspirasi apabila keluar membuat kerja-kerja amal dan mereka akan keluar bersama untuk memberi semangat. Saya optimis ini akan berjalan lancar.

**F1** Siapakah yang boleh menyertai bengkel kerja ini?

**M1** Jawatankuasa saya telah mensasarkan para pelajar yang berusia antara 15 hingga 17 tahun. Mereka perlu tahu maknanya tanggungjawab kepada masyarakat. Yang kita hanya perlu buat ialah memupuk nilai sukarelawan di samping membina keyakinan diri mereka. Ada cadangan untuk melibatkan ibu bapa juga, tetapi saya rasa tak perlu untuk sekarang. Kita tunggu bagaimana sambutan masyarakat tempatan. Kalau berjaya, bengkel seterusnya kita akan buat untuk ibu bapa juga.

**F1** Saya pasti bengkel ini akan mendapat sambutan ramai.

**M1** Ada pihak media yang mencadangkan supaya sebuah dokumentari khas dibuat tentang perjalanan atau pengalaman seorang sukarelawan muda. Ini mungkin menjadi asas promosi untuk bengkel-bengkel seterusnya. Saya belum buat keputusan untuk cadangan ini lagi. Saya tak mahu pelajar terlalu teruja kerana akan muncul dalam media.

**F1** Terima kasih Fahmi. \*\*

(*Pause 15 seconds.*)

**M1** Sekarang anda akan mendengar perbualan ini untuk kali kedua.

(*Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 35 hingga 37**

**M1** Anda akan mendengar temubual dengan Heidi, seorang pengajur acara. Anda akan mendengar temubual ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada dua tempat berhenti semasa temubual ini.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam **dua** kotak yang betul **A, B, C, D** atau **E**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

(Pause 45 seconds.)

**M1** \* Heidi, boleh ceritakan tentang kerjaya anda?

**F1** Saya ialah seorang pengajur acara. Kalau anda ingin mengadakan majlis perkahwinan atau majlis hari jadi, tetapi terlalu sibuk untuk menguruskannya sendiri, sayalah orangnya. Senaraikan keperluan, minat dan bajet anda, saya dan pasukan saya akan pastikan semuanya diuruskan.

**M1** Teruskan?

**F1** Saya ada pasukan yang berpengalaman dalam bidang masing-masing. Ada yang boleh menghiaskan dewan mengikut cita rasa pelanggan, ada yang mempunyai kontak dengan dunia hiburan, dan ada yang menyediakan khidmat fotografi dan rakaman video.

**M1** Bagaimanakah anda bermula?

**F1** Saya suka menganjurkan apa-apa saja sejak kecil. Misalnya kalau ibu mahu adakan majlis hari jadi untuk adik saya, sayalah yang merancangkan senarai tetamu, makanan dan hiburan.

**M1** Mengagumkan!

**F1** Di sekolah, saya menganjurkan Majlis Hujung Tahun dan Pesta Mencari Bakat.

(Pause 20 seconds.)

**M1** Apakah majlis pertama di mana Heidi mendapat bayaran?

**F1** Saya mendapat jemputan majlis perkahwinan rakan sepejabat saya. Dua minggu sebelum majlisnya, perancang majlis perkahwinannya membatalkan tempahan. Dia memberitahu saya masalahnya. Saya terus menawarkan perkhidmatan saya. Dengan bantuan dua orang kawan, kami dapatkan dewan, pengacara majlis dan katering makanan.

**M1** Dan?

**F1** Pada hari majlis itu saya resah, tetapi semuanya berjalan lancar.

**M1** Dia puas hati?

**F1** Dengan bayaran yang diberi, saya tahu dia gembira dan saya boleh cari makan dengan cara ini. Mulai saat itu, saya merancang untuk menuju syarikat dan ikuti kursus pengurusan acara.

**M1** Siapa membantu Heidi?

**F1** Kedua-dua orang kawan saya yang mula-mula menolong saya. Saya juga ada rangkaian pekerja bebas yang sentiasa membantu mendapatkan makanan dan hiburan.

(Pause 20 seconds.)

**M1** Ada pengalaman yang tidak dapat dilupakan?

**F1** Oh, banyak pahit dan manis seperti kek hari jadi yang hampir tumbang, dan juga majlis kejutan remaja yang hampir gagal sebab dia ada rancangan lain dengan kawan-kawannya. Kejutan istimewa untuk remaja itu ialah persembahan daripada penyanyi kegemarannya.

**M1** Apakah cabaran dalam perniagaan ini?

**F1** Bukan senang untuk memuaskan hati semua orang. Ada yang sangat cerewet. Dengan bajet yang rendah mereka mengharapkan layanan lima bintang. Ada yang lepas tangan dan membiarkan saya dan pasukan saya ikut tema yang diberi. Tetapi kebanyakan pelanggan berpuas hati. Ada pelanggan yang suka menukar rancangan setiap lima minit!

**M1** Selama manakah Heidi akan menguruskan perniagaan ini?

**F1** Saya suka cabaran. Inilah kerjaya impian saya.

**M1** Terima kasih, Heidi \*\*

(Pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar temubual ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda diberi masa selama enam minit untuk menulis jawapan anda ke atas kertas jawapan berasingan. Ikut arahan yang terdapat di atas kertas tersebut.

**E** There will now be six minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.

**M1** Ujian tamat.

**E** This is the end of the examination.

**BLANK PAGE**

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.